

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI PERTAHANAN DI UPACARA
PENYERAHAN SAYAP KEPADA PASUKAN
TENTERA UDARA DI RAJA DI PENGKALAN
TENTERA UDARA, SUNGAI BESI PADA 10HB
OGOS, 1963

Tuan Chief of Air Staff, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya amatlah sukacita oleh sebab dapat hadir di upacara ini pada pagi ini dan saya suka mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada Ketua Pasukan dan semua orang-orang yang mengambil bahagian di barisan di sini kerana sikap itu. Pada fikiran saya inilah kali yang ketiga saya berpeluang menghadihkan "Wings" atau Sayap kepada pemandu-pemandu kapal terbang Tentera Udara Di Raja, Persekutuan Tanah Melayu yang telah tamat latihannya. Saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pegawai-pegawai ini yang telah berjaya menamatkan latihan memandu kapal terbang. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada guru-guru yang telah bekerja dengan bersungguh-sungguhnya bagi menolong Pegawai-pegawai ini menyempurnakan latihan itu. Saya percaya Pegawai-pegawai ini hanyalah boleh menjadi pandai dan layak membuat pekerjaan sebagai pemandu-pemandu kapal terbang disebabkan guru-guru dan juga pelatih-pelatih adalah bekerja dengan giatnya.

Kepada Pegawai-pegawai yang muda dan pemandu-pemandu yang baru tamat latihan, upacara pada pagi ini bukanlah bermakna latihan tuan-tuan telah tamat. Daripada sekarang ini mustahaklah tuan-tuan sekalian mempelajari bagaimana hendak menggunakan pengetahuan dan kepandaian yang telah didapati itu dalam keadaan pemandu-pemandu kapal terbang dengan sebenar-benarnya. Saya percaya tuan-tuan akan dapati keadaan-keadaan ini ialah lebih susah dan lebih berat lagi daripada yang tuan-tuan telah dapati pada masa menerima latihan memandu kapal terbang akan

tetapi saya tidak syak lagi bahawa tuan-tuan tidak akan menghadapi kesusahan bagi mengatasi cara memandu kapal terbang yang lebih besar dan susah. Begitu juga saya harap bahawa seseorang pemandu kapal terbang yang sempurna itu ialah orang yang menjaga tata tertib dirinya sama ada semasa terbang di udara atau tidak. Tuan-tuan sekalian, sekarang ini ialah berdiri di pintu jalan bagi memulai perkhidmatan di dalam Tentera Udara Di Raja kita dan perkhidmatan bagi Negara kita, Bangsa dan Rakyat Negeri ini bangga yang tuan-tuan akan menjalankan tugas masing-masing dengan sempurna.

Saya percaya tuan-tuan sekalian bersetuju dengan saya apabila saya katakan bahawa tuan-tuan sekalian adalah yang bernasib baik oleh sebab telah tamat latihan dalam masa ketika Negara kita ini akan membuka satu lipatan sejarah yang baru iaitu penubuhan Malaysia. Dengan adanya penubuhan Malaysia ini Ahli-ahli Tentera Udara Di Raja kita akan mempunyai tanggungjawab yang lebih besar dan lebih luas dan Tentera Udara kita akan diperbesarkan dan diperluaskan lagi. Tanggungjawab ini tuan-tuan semua terpaksa memikulnya bersama-sama. Seperti tuan-tuan mengetahui tidak beberapa lama lagi kapal-kapal terbang yang baharu akan sampai. Tiap-tiap orang akan mempunyai pekerjaan-pekerjaan yang bertambah banyak dan kapal-kapal terbang ini terpaksa dijaga dan diperbaiki daripada satu masa ke satu masa. Akan tetapi saya yakin dan percaya bahawa Pegawai-pegawai yang berkhidmat di dalam Tentera Udara Di Raja kita yang menunjukkan kelayakan dan taat setia mereka itu pada masa yang telah lalu akan dapat memikul bebanan yang baru ini dengan sempurna.

Saya ucapkan pada sekalian yang di dalam latihan baru ini selamat dan berjaya dalam perkhidmatan bagi Bangsa dan Negara kita. Sebagai Menteri Pertahanan saya akan memperhatikan pekerjaan-pekerjaan tuan-tuan semua pada masa dua tiga tahun yang akan datang iaitu masa yang sangat penting bukan sahaja dalam sejarah Bangsa kita bahkan sejarah Tentera Udara.

Saya berdoa tuan-tuan semua dipelihara Allah Subhanahu-wataala dan saya ucapkan selamat kepada semua.



Tun Abdul Razak sedang menyampaikan trofi kepada salah seorang Pegawai Udara di Upacara Tamat Latihan dan Penerimaan Sayap di Pengkalan Tentera Udara Diraja, Kuala Lumpur pada 10hb Ogos, 1963.